

LIVESTOCK ASIA 2015

Ekspo, forum bantu penternak

» Pameran selama 4 hari berlangsung September di KLCC

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

■ Putrajaya

Ekspo dan forum ternakan, 'Livestock Asia 2015' pada 21 hingga 23 September ini memberi peluang penternak dan orang ramai mengetahui maklumat, kaedah serta sistem penternakan yang bukan sahaja mesra alam, malah menjimatkan kos.

Ekspo kali kelapan itu akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan setakat ini, 300 pempamer dari 32 negara, antaranya United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan dan Thailand sudah mengesahkan penyertaan.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), Dr Kamaruddin Md Isa (**gambar**), berkata ia juga menyediakan pelbagai maklumat, termasuk panduan penjagaan kesihatan dan pemakanan



yang seimbang.

"Penternak disaran hadir ke pameran ini bagi mendapat maklumat mengenai pelbagai kaedah dan sistem penternakan yang mesra alam dan menjimatkan kos," katanya pada sidang media mengenai pameran itu yang turut dihadiri Presiden Persatuan Penternak Malaysia, Jeffrey Ng Choon Ngee, di sini, semalam.

Elak pencemaran

Selain itu, beliau berkata, penggunaan reban tertutup dapat mengelakkan pencemaran alam sekitar, selain menjaga kualiti ternakan kerana najis ternakan dapat dikumpul serta disalurkan ke kawasan pembuangan dengan cara lebih sistematik, sekali gus mengelakkan pencemaran bau.

Sementara itu, Choon Ngee berkata, masyarakat kini terlalu mudah mendapat maklumat salah mengenai ternakan.